LANGKAH STRATEGIK 1 : PENGUKUHAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI KERJA SOSIAL

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
5	Pengukuhan tahap kompetensi kerja sosial	JKM telah menjalinkan kerjasama dengan ISM, UUM dan UKM dalam memberikan pendidikan dan latihan profesional berkaitan kerja sosial kepada pegawai dan kakitangan kumpulan sokongan.	2016-2020 2016-2018	150 orang pegawai dan kakitangan mengikuti Diploma Pascasiswazah Kerja Sosial (DPSKS) 180 orang mengikuti Sijil Praktis Kerja Sosial	Peningkatan kompetensi pekerja sosial dalam praktis kerja sosial yang profesional.	P PP
6	Pembangunan Pelan Strategik Latihan JKM 2016 - 2020	Pembangunan kapasiti merupakan satu mekanisme yang sangat penting dalam penentuan kecemerlangan pegawai dan kakitangan dalam melaksanakan tugas di Jabatan. Bagi memastikan pelaksanaan latihan kepada warga kerja JKM dapat dijalankan secara sistematik, satu analisis latihan (TNA) dan pembangunan Pelan Strategik Latihan JKM 2016-2020 perlu dibangunkan.	2016-2018	Dokumen <i>Training Need Analysis</i> (TNA) pegawai JKM Pelan Strategik Latihan JKM 2016 -2020	Menentukan halatuju latihan kepada warga kerja JKM. Meningkatkan kecekapan dan keupayaan yang diperlukan oleh pegawai dan kakitangan JKM.	P PP

TERAS STRATEGIK 1: MENDAYA UPAYA BAKAT
LANGKAH STRATEGIK 1 : PENGUKUHAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI KERJA SOSIAL

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
7	Pembangunan kapasiti kepada pegawai dalam bidang penuaan warga emas, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak, <i>Job Coach</i> , pembangunan komuniti, <i>Social Impact Assessment</i> (SIA)	Jabatan telah mengenal pasti bidang kepakaran yang diperlukan dalam perkhidmatan JKM untuk tempoh lima tahun akan datang. Bidang yang telah dikenal pasti seperti berikut: i. Penjagaan dan Pengurusan Warga Emas; ii. Perlindungan dan Pemulihan Kanak-Kanak; iii. <i>Job Coach</i>; iv. Pembangunan Komuniti; v. Social Impact Assessment (SIA); dan vi. Penilaian <i>OUTCOME</i>	2016-2020	400 orang mengikuti latihan penjagaan dan pengurusan warga emas 400 orang mengikut latihan perlindungan dan pemulihan kanak-kanak 40 orang mengikuti latihan <i>Job Coach</i> 300 orang mengikuti latihan pengurusan pembangunan komuniti 60 orang mengikuti latihan pengurusan SIA 90 Orang mengikuti Kursus Penilaian <i>OUTCOME</i>	Meningkatkan kecekapan pegawai dan kakitangan dalam memenuhi ekspektasi masyarakat .	P KK WE OKU KOM

TERAS STRATEGIK 1: MENDAYA UPAYA BAKAT
LANGKAH STRATEGIK 1 : PENGUKUHAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI KERJA SOSIAL

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
8	Pembangunan kapasiti Pelindung bagi pelaksanaan Program Pemeliharaan Berasaskan Keluarga	Program Pemeliharaan Berasaskan Keluarga merupakan program penempatan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan bersama-sama keluarga ganti. Kanak-kanak yang memerlukan perlindungan akan mendapat kasih sayang yang sewajarnya walaupun terpisah daripada keluarga biologi.	2017 2017-2020	Membangunkan modul dan kurikulum Pemeliharaan Berasaskan Keluarga 250 Pegawai dan kakitangan mengikuti latihan	Meningkatkan profesionalisme Pelindung dalam pengurusan kes kanak-kanak yang ditempatkan bersama-sama keluarga ganti.	KK

TERAS STRATEGIK 1: MENDAYA UPAYA BAKAT
LANGKAH STRATEGIK 1 : PENGUKUHAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI KERJA SOSIAL

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
9	Pembangunan kapasiti kepada pegawai melalui program SMART Pegawai Kebajikan Masyarakat	SMART Pegawai Kebajikan Masyarakat (PKM) merupakan program latihan secara komprehensif kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat. Dalam memastikan program latihan ini dapat dilaksanakan secara komprehensif, Jabatan perlu membangunkan modul tersebut. Modul ini meliputi aspek pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, pengurusan aset, pengurusan pejabat, perkhidmatan Jabatan, undang-undang dan peraturan. Modul yang siap dibangunkan akan dijadikan panduan dalam melatih para pegawai JKM khususnya yang baharu menjadi warga JKM.	2017 2018- 2020	Modul dan kurikulum SMART Pegawai Kebajikan Masyarakat dibangunkan 120 PKM menjalani latihan SMART Pegawai Kebajikan Masyarakat	Meningkatkan tahap kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan JKM kepada kumpulan sasar.	P PP

TERAS STRATEGIK 1: MENDAYA UPAYA BAKAT
LANGKAH STRATEGIK 2 : PENGUKUHAN SEKTOR PENJAGAAN DAN PERKHIDMATAN KOMUNITI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
10	Pendaftaran Pegawai Kebajikan dalam Direktori Pakar Industri Negara (DPIN) di bawah Sektor Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti	JKM telah diberi pengiktirafan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sebagai Badan Peneraju Industri dalam Sektor Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti . Warga JKM yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPK boleh membuat permohonan untuk didaftarkan sebagai Pakar Industri Negara dan di persijilkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).	2016-2020	150 orang pegawai dan kakitangan diiktiraf sebagai Pakar Industri dalam DPIN Sektor Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti.	Meningkatkan tahap kepakaran pegawai dan kakitangan dalam bidang penjagaan dan perkhidmatan komuniti . Peningkatan bilangan pegawai yang diiktiraf sebagai pakar dan menjadi pakar rujuk dalam industri.	PP

TERAS STRATEGIK 1: MENDAYA UPAYA BAKAT
LANGKAH STRATEGIK 2 : PENGUKUHAN SEKTOR PENJAGAAN DAN PERKHIDMATAN KOMUNITI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
11	Pembangunan kapasiti tenaga pengajar JKM dalam Sektor Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti	Program latihan kepada tenaga pengajar yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan JKM berasaskan <i>National Occupational Skills Standard</i> (NOSS) dan kemahiran sebagai tenaga pengajar.	2016-2020	200 orang pegawai dan kakitangan dipilih dan diberi latihan sebagai tenaga pengajar.	Meningkatkan kepakaran pegawai dan kakitangan dalam Sektor Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti sebagai tenaga pengajar.	PP P
12	Pembangunan <i>Written Instruction Material</i> (WIM)	WIM merupakan dokumen yang dibangunkan bagi membantu pelaksanaan NOSS. Terdapat 3 WIM baharu yang akan dibangunkan bagi 3 NOSS iaitu WIM <i>Community Based Rehabilitation</i> (CBR), Penjagaan Kanak-kanak dan Penjagaan OKU.	2016-2018	3 WIM iaitu: i. CBR ii. Penjagaan Kanak-kanak iii. Penjagaan OKU	Meningkatkan kebolehcapaian pelaksanaan NOSS.	PP JPOKU

TERAS STRATEGIK 1: MENDAYA UPAYA BAKAT
LANGKAH STRATEGIK 2 : PENGUKUHAN SEKTOR PENJAGAAN DAN PERKHIDMATAN KOMUNITI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
13	Pembangunan NOSS baharu	NOSS merupakan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan. Standard kemahiran ini dikawal selia oleh Kementerian Sumber Manusia. Sejak NOSS diperkenalkan, Jabatan telah membangunkan sebanyak 29 NOSS. Bagi memenuhi keperluan industri, Jabatan perlu membangunkan sebanyak 3 buah NOSS baharu iaitu : i. <i>Job Coach</i> Tahap 4 ii. <i>Social Work</i> Tahap 4 iii. Para-Kaunselor Tahap 4	2017-2018	3 NOSS baharu iaitu: i. <i>Job Coach</i> Tahap 4 ii. <i>Social Work</i> Tahap 4 iii. Para-Kaunselor Tahap 4	Meningkatkan kompetensi pekerja industri, pekerja sosial dan para kaunselor dalam penyampaian perkhidmatan.	PP JPOKU K & P

TERAS STRATEGIK 1: MENDAYA UPAYA BAKAT
LANGKAH STRATEGIK 2 : PENGUKUHAN SEKTOR PENJAGAAN DAN PERKHIDMATAN KOMUNITI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
14	Semakan dan penambahbaikan NOSS	Jabatan telah membangunkan NOSS mengikut keperluan perkhidmatan dan industri. NOSS yang dibangunkan perlu disemak semula bagi membolehkan NOSS tersebut kekal relevan dalam memenuhi keperluan dalam industri. Lapan NOSS yang perlu dibuat semakan dan penambahbaikan seperti yang berikut : i. Penjagaan kanak-Kanak Tahap 4 dan 5 ii. Penjagaan OKU Tahap 3, 4,dan 5 iii. Penjagaan Kanak-Kanak Tahap 3, 4 dan 5	2017-2020	8 NOSS disemak dan ditambahbaik	Meningkatkan tahap kualiti penjagaan kepada kumpulan sasaran.	PP JPOKU KK

TERAS STRATEGIK 1: MENDAYA UPAYA BAKAT
LANGKAH STRATEGIK 3 : PEMERKASAAN BUDAYA INOVASI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
15	Pembangunan Pelan Strategik Inovasi JKM	Pelan Strategik Inovasi membolehkan JKM merancang pelbagai program inovasi secara teratur dalam usaha membudayakan kreativiti dan inovasi warga kerja JKM.	2017-2018	1 Pelan Strategik dibangunkan	Meningkatkan kreativiti dan inovasi warga kerja JKM dalam proses penyampaian perkhidmatan.	QS PP
16	Penerbitan buku inovasi JKM	Buku inovasi adalah satu dokumentasi program/projek/ produk inovasi yang telah dilaksanakan oleh warga kerja JKM.	2016-2020	1 buku inovasi diterbitkan setiap tahun	Menyediakan sumber rujukan dan panduan kepada warga kerja JKM dan orang awam dalam menghasil dan melaksanakan inovasi.	QS
17	Pembangunan dan pendaftaran harta intelek bagi program/projek/ produk inovasi oleh warga kerja	Program pembangunan inovasi adalah untuk memberi tambah nilai kepada produk/program/projek inovasi yang telah direka cipta oleh warga kerja jabatan. Pendaftaran harta intelek adalah untuk melindungi hak cipta bagi inovasi yang dihasilkan oleh warga kerja JKM.	2016-2020	13 produk/ program/ projek inovasi berjaya dibangunkan dan didaftarkan	Meningkatkan kreativiti warga kerja JKM untuk menghasilkan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan. Melindungi hak cipta produk/program/projek inovasi yang dihasilkan oleh warga kerja. Menjana pendapatan daripada produk yang telah dibangunkan.	QS PP

TERAS STRATEGIK 1: MENDAYA UPAYA BAKAT
LANGKAH STRATEGIK 3 : PEMERKASAAN BUDAYA INOVASI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
18	Pembangunan kapasiti inovasi sosial dalam dan luar negara	Menghantar pegawai untuk mengikuti kursus, seminar dan diskusi berkaitan inovasi sosial sama ada dalam atau luar negara.	2016-2020	100 orang pegawai dan kakitangan mengikuti latihan	Meningkatkan tahap kemahiran pegawai dan memberi pendedahan yang meluas.	QS DSA P
19	Pengeluaran dan pengkomersilan produk inovasi JKM melalui kerjasama strategik	Pengeluaran dan pengkomersilan produk inovasi yang berimpak tinggi melalui kerjasama strategik dengan <i>Original Equipment Manufacturer</i> (OEM) atau pemberi perkhidmatan lain	2017-2020	2 produk	Produk Inovasi yang dihasilkan oleh warga kerja Jabatan dapat dikomersialkan.	QS PW PP
20	Program pembudayaan inovasi	Pembudayaan inovasi melalui Majlis Hari Inovasi dan Anugerah Inovasi adalah untuk menggalakkan warga JKM agar lebih kreatif, inovatif dan produktif dalam bekerja.	2016-2020	Satu Majlis Hari Inovasi dan Anugerah Inovasi JKM dilaksanakan setiap tahun.	Meningkatkan kreativiti dan inovasi dalam kalangan warga kerja JKM dalam menghasilkan program/produk inovasi yang berimpak tinggi.	QS

TERAS STRATEGIK 1: MENDAYA UPAYA BAKAT
LANGKAH STRATEGIK 4 : PENGURUSAN STANDARD KAWALAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
21	Pesijilan ISO 9001:2015 Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi	Membangunkan dokumen kualiti perkhidmatan PLPP dan mendapatkan pesijilan ISO 9001:2015.	2017	Dokumen kualiti perkhidmatan PLPP PLPP mendapat pesijilan ISO 9001:2015	Penyampaian perkhidmatan PLPP yang seragam dan berkualiti.	PLPP JP OKU PP
22	Pesijilan ISO 9001:2015 perkhidmatan luar JKM	Menaik taraf Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2008 perkhidmatan luar JKM kepada SPK ISO 9001:2015. 15 Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri (PKMN) dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian (PKMD/J/B) menggunakan pesijilan ISO 9001:2015.	2017-2018	Menaik taraf Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2008 perkhidmatan luar JKM kepada SPK ISO 9001:2015 15 PKMN dan 104 PKMD/J/B mendapat pesijilan ISO 9001:2015	Penyampaian perkhidmatan luar JKM yang seragam dan berkualiti.	QS

TERAS STRATEGIK 1: MENDAYA UPAYA BAKAT
LANGKAH STRATEGIK 4 : PENGURUSAN STANDARD KAWALAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
23	Pesijilan ISO 9001:2015 Rumah Seri Kenangan (RSK) JKM	Membangunkan dokumen kualiti perkhidmatan RSK dan mendapatkan pesijilan ISO 9001:2015.	2017-2018	1 SPK ISO 9001:2015 digunakan Sembilan (9) RSK mendapat Pesijilan ISO 9001:2015	Penyampaian perkhidmatan RSK yang seragam dan berkualiti.	QS WE
24	Pesijilan ISO 9001:2015 Institusi Kanak-Kanak	Membangunkan dokumen kualiti perkhidmatan Institusi Kanak-Kanak dan mendapatkan pesijilan ISO 9001:2015.	2016	1 SPK ISO 9001:2015 digunakan 33 Institusi Kanak-Kanak mendapat pesijilan ISO 9001:2015	Penyampaian perkhidmatan Institusi Kanak-Kanak yang seragam dan berkualiti.	QS KK

TERAS STRATEGIK 2
MEREKAYASA ORGANISASI
Meningkatkan Keupayaan dan
Memberi Nafas Baharu Kepada
Organisasi

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 5 : PENGUKUHAN PENGURUSAN ORGANISASI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
25.	Pentauliahan institusi JKM sebagai pusat bertauliah/pusat bertauliah Skim Latihan Dual Nasional (SLDN)	Sebagai ILB kepada sektor penjagaan dan perkhidmatan komuniti, JKM bertanggungjawab untuk menjadikan institusi JKM sebagai pusat bertauliah/ pusat bertauliah (SLDN).	2016-2020	10 buah institusi dibawah JKM diiktiraf sebagai pusat bertauliah/ pusat bertauliah (SLDN)	Meningkatkan tahap kepelbagaian praktis dalam perkhidmatan sosial dan pengiktirafan kepada pemain industri.	PP KK WE OKU
26.	Penaksiran psikologi	Menjalankan penaksiran psikologi mengukur tahap kecenderungan dan minat menggunakan alat pengukuran psikologi yang dibangunkan oleh Bahagian Kaunseling dan Psikologi. Kerjasama kepakaran bersama-sama Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam.	2017-2020	3,000 orang pegawai dan kakitangan	Meningkatkan prestasi kerja berdasarkan kecenderungan dan minat pegawai dan kakitangan.	P K

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 5 : PENGUKUHAN PENGURUSAN ORGANISASI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
27	Naziran pengurusan bantuan kewangan	Naziran dan pemantauan secara berterusan dan berkala dilakukan bagi memastikan kualiti perkhidmatan bantuan dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa selaras dengan keperluan <i>stakeholder</i> .	2016-2020	15 buah negeri 60 kali naziran	Pengurusan perkhidmatan bantuan kewangan dapat ditingkatkan selaras dengan teguran audit negara. Memastikan pengurusan bantuan yang lebih cekap dan berkesan.	PW

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 5: PENGUKUHAN PENGURUSAN ORGANISASI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
28	Penstrukturan semula JKM	Dalam memantapkan organisasi, Jabatan perlu membuat semakan semula penstrukturan bagi memenuhi keperluan dan tuntutan perkhidmatan semasa.	2016 -2018	i. Satu bahagian baharu diwujudkan ii. Menaik taraf 2 gred jawatan Pengarah Bahagian iii. Menaik taraf gred jawatan 5 PKMD dan 1 institusi iv. Penubuhan Pusat Transformasi dan Penyelidikan Kerja Kebajikan v. Semakan semula penempatan 2 kategori kumpulan pelaksana	Pemantapan penyampaian perkhidmatan Jabatan kepada kumpulan sasaran.	P PP
29	Pembangunan pakar bidang (SME)	JKM memerlukan kepada tenaga pakar selari dengan keperluan semasa. Jabatan telah mengenalpasti bidang-bidang yang berkaitan yang memerlukan kepada kepakaran.	2016-2020	i. 6 bidang dikenal pasti SME: • Perlindungan kanak-kanak • Pemulihan kanak-kanak • Penuaan warga emas • Pembangunan kanak-kanak • Kerja Sosial • Pembangunan OKU ii. Modul Pakar Bidang (SME) dibangunkan	Pewujudan pakar bidang. Meningkatkan tahap kepakaran warga JKM.	P PP

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 6: PENGUKUHAN PELAN TINDAKAN, GARIS PANDUAN, MANUAL KERJA DAN
PROSEDUR TETAP OPERASI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
30	Penambahbaikan Manual Penilaian Kualiti Pusat Jagaan Warga Emas, Pusat Penjagaan Kanak-Kanak dan Pusat Jagaan OKU	Dalam memastikan penjagaan kepada kumpulan sasar adalah berkualiti, Jabatan telah membangunkan Manual Penilaian Kualiti Pusat Jagaan. Seiring dengan perubahan masa dan keperluan klien, manual tersebut perlu diteliti dan disemak semula.	2016	3 Manual Penilaian Kualiti Pusat Jagaan Warga Emas, Pusat Penjagaan Kanak-Kanak dan Pusat Jagaan OKU ditambahbaik	Meningkatkan tahap kualiti penyampaian perkhidmatan penjagaan warga emas, kanak-kanak dan OKU.	K JPOKU KK WE
31	Membangunkan dokumen Piawaian Pengurusan Penyelaras, Penyelia dan Petugas PDK	Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) merupakan program yang dibangunkan oleh Jabatan untuk pemulihan dan pengintergrasian OKU dalam komuniti. Bagi memantapkan lagi pelaksanaan PDK, Jabatan akan membangunkan Piawaian Pengurusan Penyelaras, Penyelia dan Petugas PDK	2017-2018	Satu dokumen Piawaian Pengurusan Penyelaras dan penyelia PDK dibangunkan	Meningkatkan tahap penyampaian pengurusan perkhidmatan OKU terutama penyelaras, penyelia dan petugas PDK.	JPOKU

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 6: PENGUKUHAN PELAN TINDAKAN, GARIS PANDUAN, MANUAL KERJA DAN
PROSEDUR TETAP OPERASI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
32	Penambahbaikan Manual Pengurusan Bencana JKM	Manual Pengurusan Bencana JKM perlu disemak semula selaras dengan perubahan semasa dan disesuaikan dengan keperluan klien.	2016-2020	Manual Pengurusan Bencana JKM ditambahbaik	Meningkatkan tahap pengurusan mangsa bencana.	PW
33	Peluasan Modul Pelaksanaan 1Serve di semua PKMD	Sistem penyampaian petugas barisan hadapan JKM menerusi pembudayaan perkhidmatan pelanggan berteraskan <i>product knowledge</i> berterusan.	2016-2020	i. 10 kali latihan 1Serve ii. 300 orang mengikuti latihan iii. 104 buah PKMD	Penyampaian perkhidmatan kaunter yang cekap dan berkesan.	QS

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 6: PENGUKUHAN PELAN TINDAKAN, GARIS PANDUAN, MANUAL KERJA DAN PROSEDUR TETAP OPERASI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
34	Penambahbaikan SOP Pengurusan Penyampaian Bantuan Kewangan melalui pembangunan Modul Pentaksiran Had Kelayakan Bantuan Kebajikan (<i>Targetting Mechanism</i>) dalam Sistem e-Bantuan	Pengurusan penyampaian bantuan dapat dilaksanakan dengan lebih objektif dan telus dengan menambahbaik SOP sedia ada melalui sistem e-Bantuan. Pembangunan Modul Pentaksiran Had Kelayakan Bantuan Kebajikan (<i>Targetting Mechanism</i>) yang merangkumi: i. Penilaian keperluan pengguna ii. <i>User acceptance test</i> iii. <i>Training Of Trainer (TOT)</i> iv. <i>Roll Out (pilot project)</i> 1 Daerah terpilih	2017 - 2019	i. Modul dan SOP dikemaskini ii. Modul Pentaksiran Had Kelayakan Bantuan Kebajikan (<i>Targetting Mechanism</i>) dibangunkan dalam Sistem e-Bantuan	Penilaian kelayakan pemberian bantuan yang lebih mudah dan objektif.	PW BPM

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 6: PENGUKUHAN PELAN TINDAKAN, GARIS PANDUAN, MANUAL KERJA DAN
PROSEDUR TETAP OPERASI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
35	Semakan dan penambahbaikan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara	Sebagai persediaan negara menuju negara tua pada 2035, JKM perlu memastikan polisi dan program yang diadakan bersesuaian dengan warga emas. Bagi meningkatkan kepakaran dalam bidang pengurusan warga emas, dasar dan pelan tindakan sedia ada perlu disemak dan ditambah baik bagi memastikan ia kekal relevan dan memenuhi ekspektasi dan keperluan kumpulan sasar.	2017-2018	1 Pelan Tindakan Warga Emas yang telah dikemaskini selaras dengan keperluan semasa.	Pemantauan kepada Pelan Tindakan ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan bersesuaian dengan keperluan dan perubahan negara sebagai negara menua.	DSA WE PP

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 6: PENGUKUHAN PELAN TINDAKAN, GARIS PANDUAN, MANUAL KERJA DAN
PROSEDUR TETAP OPERASI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
36	Membangunkan Garis Panduan <i>Independent Living Centre (ILC)</i>	Pewujudan <i>ILC</i> adalah untuk membantu OKU agar dapat berdikari dan mampu melaksanakan aktiviti kehidupan harian tanpa bantuan atau dengan bantuan yang minimum.	2017	Garis Panduan <i>ILC</i>	Memantapkan penyampaian perkhidmatan terhadap kumpulan sasaran.	JPOKU
37	Semakan dan penambahbaikan Garis Panduan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)	Untuk meneruskan kecemerlangan PDK, Garis Panduan PDK yang dibangunkan pada tahun 2011 perlu ditambah baik bagi memenuhi perubahan semasa dan keperluan kumpulan sasaran.	2017	Garis Panduan PDK		
38	Membangunkan Pelan Induk Aksesibiliti	Akses merupakan antara perkara utama dalam pengintegrasian OKU ke dalam masyarakat. Bagi merealisasikan hasrat Kerajaan agar golongan OKU memperoleh kesaksamaan dalam mengakses persekitaran, wujud keperluan untuk menyeragamkan dan mendokumentasi perkara-perkara berkaitan aksesibiliti dalam satu pelan induk.	2016-2018	Pelan Induk Aksesibiliti		

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 6: PENGUKUHAN PELAN TINDAKAN, GARIS PANDUAN, MANUAL KERJA DAN PROSEDUR TETAP OPERASI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
39	Mewujudkan Pelan Strategik Modal Insan (PSMI) JKM	PSMI merupakan pelan yang penting dalam menentukan kerjaya seseorang pegawai dan kakitangan dalam sesebuah organisasi. Dalam konteks JKM pembangunan PSMI sangat diperlukan dalam menentukan kecemerlangan Jabatan dan kompetensi pegawai. Fokus utama yang diberi tumpuan adalah dalam aspek; - Pemantapan <i>fast track</i> - Kenaikan pangkat - Penempatan - SME	2016-2018	1 Pelan Pembangunan Modal Insan 4 Garis panduan	Penggunaan sumber manusia secara efisien dan optimum.	PP P
40	Pembangunan Pelan Keusahawanan Sosial	Pembangunan dan peningkatan keupayaan diri klien penting dalam membantu klien mencapai tahap ketidakbergantungan kepada Kerajaan. JKM berusaha untuk mewujudkan usahawan dan platform perniagaan kepada klien produktif yang berpotensi, Ini adalah untuk memantapkan kreativiti budaya keusahawanan dan inovasi sosial.	2017 - 2018	1 Pelan Pembangunan Keusahawanan Sosial	Menjajarkan program keusahawanan sosial.	PP PW P QS PP JPOKU WE

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 6: PENGUKUHAN PELAN TINDAKAN, GARIS PANDUAN, MANUAL KERJA DAN
PROSEDUR TETAP OPERASI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
41	Pembangunan Pelan Strategik Kerja Sosial JKM	Pelan Strategik Kerja Sosial merupakan satu dokumen komprehensif yang mengandungi halatuju, objektif dan tindakan kerja sosial dalam Jabatan.	2017-2020	1 Pelan Kerja Sosial	Meningkatkan profesionalisme kerja sosial warga Jabatan.	PP DSA
42	Pembangunan Pelan Strategik Kecemerlangan RSK Cheras	Pelan Strategik Kecemerlangan RSK Cheras merupakan aspirasi daripada Dasar Warga Emas Negara yang ingin melahirkan warga emas yang sihat, aktif, produktif dan positif. Selari dengan itu, Jabatan telah bersetuju memilih RSK Cheras sebagai pusat kecemerlangan bagi warga emas. Justeru, bagi merealisasikan hasrat ini, satu Pelan Strategik Kecemerlangan RSK Cheras perlu dibangunkan.	2016-2020	Pelan Strategik Kecemerlangan RSK Cheras	Meningkatkan kualiti warga emas selari dengan Dasar Warga Emas Negara.	WE PP

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 6: PENGUKUHAN PELAN TINDAKAN, GARIS PANDUAN, MANUAL KERJA DAN PROSEDUR TETAP OPERASI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
43	Pembangunan Pelan Strategik PLPP	Pelan strategik PLPP mengandungi halatuju, objektif dan pelan tindakan bagi menjadikan PLPP sebagai pusat kecemerlangan latihan, penyelidikan dan rujukan OKU serta hub pengeluaran dan pemasaran produk kumpulan sasar serta produk inovasi JKM.	2016-2020	1 Pelan Strategik	PLPP menjadi pusat kecemerlangan penyelidikan dan latihan OKU dalam negara dan serantau. Meningkatkan pelaksanaan aktiviti pengeluaran, pemasaran dan pameran produk keluaran kumpulan sasar dan inovasi JKM.	PP JPOKU PLPP DSA PW
44	Pembangunan Pelan Strategik Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Kerja Kebajikan di Kuala Kubu Bharu	Pelan strategik ini menfokuskan kepada bidang berkaitan kerja sosial, kemahiran dalam penjagaan dan perkhidmatan komuniti, latihan dan penyelidikan sosial.	2017-2018	1 Pelan Strategik	Peningkatan kompetensi pekerja sosial dalam praktis kerja sosial yang profesional.	PP P QS KK WE DSA JPOKU

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 6: PENGUKUHAN PELAN TINDAKAN, GARIS PANDUAN, MANUAL KERJA DAN
PROSEDUR TETAP OPERASI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
45	Transformasi Perkhidmatan Bantuan Kewangan Persekutuan	Program meningkatkan kualiti perkhidmatan bantuan kewangan JKM melalui semakan dan pengemaskinian Garis Panduan Pemberian Bantuan (SOP) meliputi aspek: i. Permohonan ii. Siasatan iii. Kelulusan iv. Pembayaran v. Kajisemula vi. Kutipan Balik vii. Pengurusan kewangan Projek rintis permohonan <i>online</i> dan penilaian. Mewujudkan SOP: ▪ Kutipan balik bantuan ▪ Bayaran tunai ▪ Bayaran Melalui Bank ▪ Panduan Akaun Penyelesaian Cek Terbatal Penambahbaikan SOP Pengurusan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Serangan Binatang Buas.	2017-2018	1 Garis Panduan Pengurusan Bantuan Kebajikan yang disemak dan dikemaskini. 1 dokumen ISO Pengurusan Bantuan yang dikemaskini. 1 projek rintis permohonan <i>online</i> dan penilaian 4 SOP 1 SOP Pengurusan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Serangan Binatang Buas dikemaskini	Penambahbaikan pengurusan perkhidmatan bantuan kebajikan Pengurusan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Serangan Binatang Buas yang lebih cekap dan berkesan.	PW

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 6: PENGUKUHAN PELAN TINDAKAN, GARIS PANDUAN, MANUAL KERJA DAN
PROSEDUR TETAP OPERASI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
46	SOP pengurusan penerima bantuan produktif ke arah berdikari melalui <i>2 Years Exit Programme</i> (2YEP)	Mewujudkan SOP pengurusan penerima bantuan produktif ke arah berdikari melalui 2YEP. 2YEP merupakan sebuah program pembangunan bukan fizikal khusus di bawah RMK-11 bagi membangun dan memperkasa kefungsian hidup klien jabatan yang produktif ke arah berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan kewangan JKM untuk saraan hidup. Justeru itu satu SOP perlu dibangunkan menggantikan TOR sedia ada.	2017-2018	1 SOP Pengurusan penerima bantuan produktif ke arah berdikari melalui 2 YEP 2 Siri bengkel 1 Draf SOP dibentangkan SOP diedarkan ke semua Negeri/Daerah	Pematuhan kepada SOP 2YEP.	PW

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 7: PENGUKUHAN PELAKSANAAN PERUNDANGAN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
47	Penggubalan RUU Pekerja Sosial	Menggubal draf RUU Pekerja Sosial untuk mewujudkan asas perundangan dalam kerja sosial.	2016-2018	1 draf RUU Pekerja Sosial	Meningkatkan pengetahuan, profesionalisme dan kualiti perkhidmatan pekerja JKM.	DSA PP PUU
48	Penyemakan semula dan penambahbaikan Akta Orang Papa 1977 (Pindaan)	Akta Orang Papa 1977 merupakan akta yang digunapakai dalam melaksanakan operasi menyelamatkan orang papa. Akta ini yang telah diwartakan sejak tahun 1977 tidak pernah disemak semula. Justeru bagi memastikan akta ini terus relevan dengan keperluan semasa, akta ini perlu disemak semula dan dibuat penambahbaikan.	2017-2018	1 RUU Akta Orang Papa yang telah disemak	Meningkatkan kualiti pengurusan kes orang papa.	PU DSA

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 7: PENGUKUHAN PELAKSANAAN PERUNDANGAN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
49	Pemantapan SOP Pengurusan Kes Orang Papa	Pemantapan SOP Pengurusan Kes Orang Papa perlu dibangunkan terutama berkaitan dengan seksyen-seksyen yang sering digunakan dalam operasi. SOP adalah seperti berikut: i. SOP Menyelamatkan Pengemis AOP 1977 ii. SOP Kemasukan Sementara (Seksyen 3(2)) iii. SOP Kemasukan Tetap (Seksyen 3(4)) iv. SOP Kemasukan Orang Papa Secara Sukarela (Seksyen 4)	2016-2020	4 SOP dibangunkan	Pengurusan kes orang papa ditambahbaik bagi memenuhi keperluan semasa.	PU DSA WE

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 7: PENGUKUHAN PELAKSANAAN PERUNDANGAN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
50	Membangunkan Garis Panduan Tempat Selamat AKRT 1994	Membangunkan Garis Panduan Tempat Selamat untuk memantapkan pengoperasian tempat selamat dan hak mangsa keganasan rumahtangga terbela. Membuat semakan dan penambahbaikan dokumen Memastikan pelaksanaan Garis Panduan	2016-2020 2019-2020	1 Garis Panduan Tempat Selamat yang telah disemak dan ditambahbaik	Penambahbaikan prosedur pengurusan Tempat Selamat. Pemantapan perkhidmatan Tempat Selamat kepada mangsa keganasan rumahtangga.	PU WE DSA JPOKU
51	Menyemak dan meminda Akta OKU 2008 dan Peraturan	Menyemak dan meminda Akta OKU 2008 dan Peraturan bagi memastikan OKU dapat diintegrasikan ke dalam masyarakat bagi kesaksamaan hak dan peluang	2017- 2020	i. 3 sesi konsultasi ii. 1 Draf cadangan pindaan Akta Oku 2008 iii. 1 Peraturan TSH iv. 1 Peraturan PDK v. 1 Peraturan Pengeluaran Kad OKU	Penambahbaikan keberkesanan Akta OKU 2008.	JPOKU DSA PUU PU

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 7: PENGUKUHAN PELAKSANAAN PERUNDANGAN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
52	Menyemak dan meminda Akta Kanak-Kanak 2001 dan Peraturan di bawah Akta Kanak-Kanak	Penyemakan dan pemindaan Akta Kanak-Kanak 2001 dan Peraturan di bawah Akta Kanak-Kanak Untuk memastikan Akta ini relevan dengan perkembangan dan keperluan semasa. Sebagai pemegang amanah kepada Akta Kanak-Kanak 2001, Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan penguatkuasaan Akta dilaksanakan.	2016 - 2017	i. 1 Pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 ii. (7) Peraturan - Peraturan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dipinda: ▪ Tempat Selamat ▪ Asrama Akhlak ▪ Tempat Perlindungan ▪ Sekolah Diluluskan ▪ Pembantu Pelindung ▪ Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak ▪ Pemeliharaan berasaskan keluarga	Pindaan dan penambahbaikan Akta Kanak-Kanak dan Peraturan-Peraturan di bawah Akta Kanak-Kanak. Peningkatan kualiti perkhidmatan kanak-kanak kepada kumpulan sasar. Meningkatkan tahap pencegahan, perlindungan, pemulihan dan pembangunan kanak-kanak di Malaysia selari dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak	DSA KK

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 7: PENGUKUHAN PELAKSANAAN PERUNDANGAN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
53	Menyemak Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara (DPKK) dan Dasar Kanak-Kanak Negara (DKKN).	Pada 29 Julai 2009, Jemaah Menteri telah meluluskan DPKK dan DKKN. Dasar ini digubal bagi melindungi kanak-kanak daripada penganiayaan dan penderaan. Dasar ini perlu disemak semula agar selari dengan pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 yang telah dibuat pindaan pada tahun 2016.	2017	DPKK dan DKKN yang telah disemak dan dipinda	Menyelaras dasar supaya bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak. Meningkatkan tahap perlindungan kanak-kanak dan disuaipadan dengan Akta Kanak-Kanak (pindaan) 2016.	DSA KK

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 8: PENGUKUHAN PELAKSANAAN KAJIAN DAN PENERBITAN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
54	Pelaksanaan kajian penilaian <i>OUTCOME</i> fizikal dan bukan fizikal	Kajian penilaian <i>OUTCOME</i> fizikal dan bukan fizikal dilaksanakan untuk melihat keberkesanan program dan projek yang telah dilaksanakan untuk kesejahteraan kumpulan sasaran.	2016-2020	15 kajian penilaian <i>OUTCOME</i> fizikal dan bukan fizikal	Semakan keberkesanan program dan projek. Penambahbaikan terhadap program dan projek.	PP
55	Penulisan ilmiah kerja sosial dan kerja kebajikan.	Penulisan ilmiah kerja sosial dan kerja kebajikan bertujuan untuk menterjemahkan cabaran, pencapaian dan kejayaan JKM dalam bentuk artikel atau jurnal. Terdapat keperluan untuk warga kerja JKM untuk menghasilkan artikel atau penyelidikan ilmiah dan didokumentasikan sebagai bahan rujukan dan kajian.	2016-2020	25 artikel	Pelaksanaan dokumentasi perkhidmatan Jabatan. Mengalakkan warga JKM dalam penulisan artikel.	PP QS

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 8: PENGUKUHAN PELAKSANAAN KAJIAN DAN PENERBITAN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
56	Penerbitan Buku/Jurnal/Laporan /Buletin	Penerbitan bertujuan mendokumentasikan penulisan untuk dijadikan sebagai rujukan dan panduan.	2016-2020	i. 1 penerbitan setiap tahun: Wajah-Wajah Kejayaan ii. 1 penerbitan: Prosiding Pendakwaan Kes-Kes Di bawah Akta 308 dan Akta 506 (Tahun 2014- 2016) iii. 1 penerbitan setiap tahun: Kisah Kejayaan Produktif Kebajikan iv. 1 penerbitan setiap tahun: Laporan Statistik JKM v. 1 penerbitan setiap tahun: Laporan Tahunan JKM vi. 1 penerbitan setiap tahun: Laporan Penilaian OUTCOME vii. 2 siri penerbitan setiap tahun: Jurnal Kebajikan viii. 2 penerbitan setiap tahun: Buletin JKM	Pelaksanaan dokumentasi perkhidmatan Jabatan. Meningkatkan bilangan bahan rujukan dan panduan.	QS dan Bahagian yang terlibat

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 9: PENGUKUHAN PELAKSANAAN SISTEM PENYAMPAIAN MAKLUMAT

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
59	Pemeriksaan Sistem SMOKU	Sistem SMOKU berfungsi sebagai pusat pengumpulan data yang membantu Jabatan meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan kepada OKU. Penambahbaikan modul di dalam SMOKU dan pengintegrasian sistem tersebut dengan <i>My Identity</i> akan dapat menjadikan proses pengumpulan data di Jabatan lebih efisien. Sistem SMOKU juga berperanan menjalinkan kerjasama strategik dengan agensi yang berkepentingan.	2017	i. Pengintegrasian SMOKU dengan <i>My Identity</i> ii. 1 modul Penambahbaikan di dalam SMOKU	Meningkatkan sistem pengumpulan data pendaftaran OKU yang sistematik. Peningkatan kebolehcapaian dan pengintegrasian antara Jabatan.	BPM JPOKU
60	Sistem <i>MyResearch</i>	Penambahbaikan Sistem <i>MyResearch</i> untuk memudahkan akses kepada proses permohonan kajian mengenai perkhidmatan Jabatan.	2016-2018	Sistem <i>MyResearch</i> yang ditambahbaik dan dinaik taraf	Pemantapan sistem yang lebih efektif dan efisien.	BPM PP

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 9: PENGUKUHAN PELAKSANAAN SISTEM PENYAMPAIAN MAKLUMAT

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
61	Naik taraf Sistem e-JKM	Naik taraf Sistem e-JKM bagi modul berkaitan: i. Warga Emas ii. Orang Papa dan Gelandangan iii. Sukarelawan Kebajikan	2017-2018	3 modul dalam Sistem e-JKM dinaik taraf	Memudahkan penyaluran maklumat kepada agensi berkaitan. Membantu perancangan program dan perkhidmatan yang bersesuaian dengan keperluan sasar.	BPM WE PU KOM
62	Sistem e-Bantuan	Penambahbaikan Sistem e-Bantuan untuk mengenalpasti masalah dan memahami pelaksanaan sistem bantuan dengan lebih jelas. Sistem e-Bantuan dapat membantu untuk merangka penyelesaian mengenai isu berkaitan kumpulan sasar.	2017	i. 1 <i>Data profiling update</i> (DPU) ii. 1 <i>Data cleansing</i> iii. Peningkatan bilangan <i>user</i> dalam penggunaan sistem	Peningkatan kualiti perkhidmatan bantuan. Peningkatan integriti dan kesahihan data. Perancangan kajian berasaskan data dapat dilaksanakan.	BPM PW

TERAS STRATEGIK 2: MEREKAYASA ORGANISASI
LANGKAH STRATEGIK 9: PENGUKUHAN PELAKSANAAN SISTEM PENYAMPAIAN MAKLUMAT

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
63	Peluasan Sistem Pengurusan Stor (SPS) ke semua Pusat Tanggungjawab (PTJ)	SPS adalah selaras dengan Arahan Perbendaharaan yang mewajibkan semua Kementerian/ Jabatan perlu menggunakan sistem yang telah dibangunkan oleh Kementerian Kewangan.	2017	56 PTJ menggunakan SPS	Rekod stok menjadi lebih sistematik.	P
64	Peluasan pelaksanaan sistem pemantauan klien secara mobile melalui MyGP	MyGP merupakan inisiatif baharu dalam sistem pemantauan klien yang menerima geran pelancaran dengan menggunakan aplikasi pemantauan melalui telefon bimbit. Projek rintis ini telah berjaya dilaksanakan di Seberang Perai Selatan dan akan diperluaskan ke seluruh PKMD.	2017-2020	104 buah PKMD menggunakan aplikasi MyGP	Meningkatkan tahap pemantauan klien dengan lebih efisien.	PW BPM

TERAS STRATEGIK 2:
LANGKAH STRATEGIK 10 : MEMPERKASA PERKHIDMATAN KAUNSELING

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
65	E-kaunseling	E-kaunseling adalah sistem permohonan perkhidmatan kaunseling atas talian (e-kaunseling) yang dibangunkan bagi menambahbaik dan merakyatkan perkhidmatan. Sistem ini memudahkan orang ramai memohon perkhidmatan tanpa perlu menghubungi JKM melalui telefon.	2018-2020	1 sistem E-Kaunseling 1 SOP aplikasi sistem diwujudkan	Pemantapan dan peluasan perkhidmatan kaunseling berasaskan teknologi. Merakyatkan perkhidmatan kaunseling dan psikologi.	K BPM

TERAS STRATEGIK 3

MERAKYATKAN PENYAMPAIAN

PERKHIDMATAN

**Meningkatkan Kecekapan dan
Keberkesanan Penyampaian
Perkhidmatan Kebajikan**

TERAS STRATEGIK 3:
LANGKAH STRATEGIK 11 : MEMPERKASA PERKHIDMATAN KAUNSELING

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
66	<i>Psychological Support Team (PST)</i>	Penubuhan <i>PST</i> di semua negeri akan membantu melaksanakan intervensi krisis dan sokongan psikologi ketika berlaku krisis atau bencana.	2016-2020	1 Garis Panduan <i>PST</i> <i>PST</i> ditubuhkan di 15 negeri 500 orang ahli menyertai <i>PST</i>	Memantapkan dan mengoptimumkan intervensi krisis dan sokongan psikologi Kaunselor terhadap mangsa, keluarga dan petugas yang terkesan dengan krisis/ bencana.	K
67	Skuad Kaunselor Junior di institusi kanak-kanak	Skuad Kaunselor Junior yang terdiri daripada kanak-kanak di institusi kanak-kanak adalah untuk memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan kaunseling kepada kumpulan sasar dengan menjadi kaunselor kepada rakan-rakan sebaya.	2017-2020	33 buah institusi menubuhkan Skuad Kaunselor Junior 1 Modul Kaunselor Junior	Meningkatkan keyakinan diri, kecerdasan emosi dan pemikiran kanak-kanak. Memperkasa keupayaan dan semangat keprihatinan kanak-kanak terhadap rakan penghuni lain. Memantapkan penyampaian perkhidmatan kaunseling kepada kumpulan sasar.	K KK

TERAS STRATEGIK 3:
LANGKAH STRATEGIK 11 : MEMPERKASA PERKHIDMATAN KAUNSELING

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
68	Pembimbing dan Sahabat Kaunseling PAWE	Pembimbing dan Sahabat Kaunseling terdiri daripada warga emas yang dikenal pasti aktif dan berpotensi membantu kesejahteraan psikososial rakan warga emas di PAWE. Pembimbing dan Sahabat Kaunseling akan dibimbing dan diberi ilmu kemahiran asas menolong serta input psikologi supaya mereka dapat berperanan sebagai rakan pembimbing kepada rakan di PAWE.	2017-2020	1 Garis Panduan Pembimbing dan Sahabat Kaunseling dibangunkan 102 orang warga emas Pembimbing dan Sahabat Kaunseling di 51 PAWE dilatih	Meningkatkan keprihatinan dan sokongan psikologi terhadap warga emas di PAWE. Kesejahteraan warga emas dapat ditingkatkan.	K WE

TERAS STRATEGIK 3
LANGKAH STRATEGIK 12: PEMBANGUNAN KESUKARELAWAN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
69	Perkhidmatan sukarelawan <i>Home Help</i>	Program berteraskan kepada perkhidmatan kesihatan dan sosial secara menyeluruh dengan kerjasama strategik semua pihak. Program ini merupakan program pendampingan sosial yang menfokuskan kepada warga emas dan OKU yang memerlukan bantuan dirumah.	2016-2018	480 sukarelawan <i>Home Help</i> baharu	Meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui aktiviti kesukarelaan.	KOM

TERAS STRATEGIK 3
LANGKAH STRATEGIK 12: PEMBANGUNAN KESUKARELAWAN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
70	<i>Volunteer to Institution (V2I)</i>	V2I merupakan program kesukarelaan yang dilaksanakan oleh JKM melibatkan pelajar di Insitut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan institut latihan. Khidmat sukarelawan ini akan dilaksanakan di institusi kebajikan di bawah JKM.	2017-2020	i. 1 Modul Sukarelawan dibangunkan. ii. 1 MOU dengan KPT ditandatangani. iii. 5,000 sukarelawan dari kalangan Pelajar IPT memberi perkhidmatan di semua Institusi JKM	IPT mengiktiraf khidmat sukarelawan dan latihan melalui kiraan jam kredit dalam aktiviti kokurikulum. Meningkatkan tahap kesedaran pelajar IPT berkaitan peranan dan tanggungjawab sosial kepada kumpulan sasar. Meningkatkan bilangan sukarelawan di kalangan pelajar IPTA untuk terus memberi khidmat kesukarelaan kepada kumpulan sasar.	KOM KK WE JPOKU
71	Care@PKM	Care@PKM bertujuan memperkasa dan mengintegrasikan pesalah muda melalui program kesukarelaan.	2017-2020	400 pesalah muda menjadi sukarelawan	Meningkatkan kefungsian sosial pesalah muda melalui penerapan kesedaran dan tanggungjawab sosial.	PKM

TERAS STRATEGIK 3
LANGKAH STRATEGIK 13: Mendukung Keperluan Kanak-Kanak

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
72	Program pemeliharaan berasaskan keluarga (PBK)	PBK merupakan suatu pendekatan dalam perkhidmatan penjagaan dan perlindungan kanak-kanak. PBK memberi peluang kepada kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan untuk berada di dalam suasana keluarga dan komuniti.	2016-2020	1,000 kanak-kanak	Kanak-kanak yang mengikuti PBK dapat berkembang secara normal. Meningkatkan tahap penglibatan komuniti dalam penjagaan dan perlindungan kanak-kanak.	KK
73	Sahabat B.I.J.A.K Care and Protect	Program ini bertujuan untuk menambahbaik perlindungan kanak-kanak daripada penderaan, pengabaian dan ditinggalkan melalui pendekatan kolaborasi bersama agensi berkepentingan.	2016-2020	130 sekolah	Meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat terhadap perkembangan dan pembangunan kanak-kanak.	KK

TERAS STRATEGIK 3
LANGKAH STRATEGIK 13: Mendukung Keperluan Kanak-Kanak

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
74	Wacana Majlis Perwakilan Kanak-Kanak	Merencana pembentukan kepimpinan yang seimbang dalam kalangan kanak-kanak dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual melalui perbincangan yang berfokus dan berstruktur. Program ini juga bertujuan untuk mendidik masyarakat dalam aspek perlindungan, pembangunan, penyertaan dan kehidupan kanak-kanak.	2016-2020	15 negeri dan 105 daerah	Meningkatkan kepimpinan dalam kalangan kanak-kanak. Meningkatkan kesedaran masyarakat dalam aspek perlindungan, pembangunan, penyertaan dan kehidupan kanak-kanak.	KK

TERAS STRATEGIK 3:
LANGKAH STRATEGIK 14 : PENGUKUHAN ADVOKASI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
75	Jerayawara	Program Jerayawara merupakan satu program hebahan berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh JKM terutamanya perkhidmatan yang berkaitan dengan undang-undang.	2016-2020	100 siri Jerayawara i. Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 ii. Pelan Tindakan OKU iii. Pelan Tindakan Warga Emas iv. RUU Pekerja Sosial v. Jom Daftar TASKA dan Pusat Jagaan vi. Perintah Khidmat Masyarakat vii. Akta Keganasan Rumahtangga viii. Akta Orang Papa ix. Akta Pusat Jagaan x. Kebajikan Produktif	Meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap implikasi undang-undang yang berkaitan dengan Jabatan, perubahan kepada prosedur perkhidmatan Jabatan dan perubahan dasar perkhidmatan Jabatan.	DSA KK JPOKU PU PKM PW
76	Pengiktirafan jurulatih senaman di kalangan warga emas	Program kejurulatihan kesihatan warga emas selaras dengan Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang bermatlamat untuk mewujudkan warga emas yang sihat, aktif, positif dan produktif.	2017-2020	150 jurulatih dari warga emas	Mengalakkan penuaan sihat, aktif, positif dan produktif. Meningkatkan kualiti hidup. Mewujudkan suri teladan kepada rakan sebaya.	WE

TERAS STRATEGIK 3:
LANGKAH STRATEGIK 15: MENGALAKKAN PENUAAN AKTIF

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN B
77	Penubuhan 25 PAWE baharu	Pusat Aktiviti Warga Emas merupakan medan bagi warga emas untuk menjalankan program dan aktiviti seharian. Berdasarkan kepada kajian penilaian <i>OUTCOME</i> yang dijalankan oleh Jabatan, penubuhan PAWE sangat berkesan dalam melahirkan warga emas yang aktif, positif dan produktif. Justeru pertambahan kepada penubuhan PAWE baharu sangat diperlukan bagi memenuhi keperluan warga emas.	2016-2020	25 buah PAWE baharu	Melahirkan warga emas yang aktif, sihat dan produktif.	WE
78	Menaiktaraf skop perkhidmatan 5 buah PAWE kepada pusat intergenerasi	Pengintegrasian perkhidmatan warga emas di PAWE bersama kanak-kanak.	2017-2020	5 buah PAWE	Meningkatkan dan memperkukuhkan hubungan intergenerasi.	WE KK

TERAS STRATEGIK 3: MERAKYATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
LANGKAH STRATEGIK 16: PEMERKASAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
79	Pelaksanaan program pemerkasaan ekonomi kepada Pesalah Muda	Program pemerkasaan ekonomi merupakan program latihan kepada bekas pesalah perintah khidmat masyarakat.	2016-2020	75 pesalah muda mengikuti program EEP	Pesalah muda yang pernah tersasar dapat memulakan kehidupan baru dengan melibatkan diri dalam aktiviti yang produktif.	PKM
80	Pelaksanaan Program Kami Untuk Masyarakat (K.U.M)	Program Kami untuk Masyarakat merupakan program pengintergrasian bekas pesalah muda ke dalam masyarakat. Bekas pesalah muda akan melaksanakan kerja sukarelawan untuk membantu kumpulan sasaran yang memerlukan bantuan seperti membaiki rumah dan sebagainya.	2017	Penubuhan Persatuan K.U.M	Persatuan pesalah muda ditubuhkan dan dapat saling membantu di antara satu sama lain bagi peningkatan pembangunan diri.	PKM

TERAS STRATEGIK 3: MERAKYATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
LANGKAH STRATEGIK 16: PEMERKASAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
81	Program Arena @ PKM	Pemulihan pesalah muda merangkumi pelbagai aspek termasuk pembangunan, pemulihan rohani, jasmani dan fizikal. Sehubungan dengan itu, Program Arena @ PKM merupakan satu kejohanan Sukan Peserta Perintah Khidmat Masyarakat. Pesalah muda akan terlibat dengan pelbagai jenis sukan.	2017	Satu kejohanan sukan peringkat kebangsaan dilaksanakan	Aktiviti sukan dapat meningkatkan <i>self-esteem</i> , memupuk disiplin diri dan mencungkil potensi diri.	PKM
82	Program SKILL @PKM	Pesalah muda merupakan generasi belia yang berpotensi maju walaupun telah terlibat dalam kesalahan jenayah. Bagi memperkasakan pesalah muda untuk maju ke hadapan, mereka akan dihantar menghadiri dan lulus kursus jangka pendek kolej komuniti sebelum menamatkan perintah. Ini bertujuan untuk melengkapkan diri pesalah muda serta persiapan kembali ke alam pekerjaan sebagai pekerja mahir.	2017-2020	80% pesalah muda menghadiri dan lulus kursus jangka pendek kolej komuniti sebelum menamatkan perintah	Seramai 80% pesalah muda mendapat kemahiran sebagai batu loncatan untuk peningkatan diri dalam bidang kerjaya.	PKM

TERAS STRATEGIK 3: MERAKYATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
LANGKAH STRATEGIK 17 : PENGIKTIRAFAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
83	Peluasan perkhidmatan <i>Respite Care</i>	Program <i>Respite Care</i> merupakan projek inovasi bagi tujuan penjagaan sementara warga emas yang ditinggalkan oleh keluarga bagi sesuatu urusan.	2017-2020	Peluasan perkhidmatan <i>Respite Care</i> di 5 lokasi	Peningkatan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.	WE

TERAS STRATEGIK 3: MERAKYATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
LANGKAH STRATEGIK 17: PENGIKTIRAFAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
84	Penganugerahan dan pengiktirafan	Anugerah yang diberikan kepada kumpulan sasar Jabatan seperti warga emas, kanak-kanak, OKU dan komuniti yang memberikan sumbangan luar biasa kepada Negara serta klien yang berjaya keluar dari kebergantungan kepada Kerajaan.	2016-2020	i. Penganugerahan kepada PBT ii. Penganugerahan kepada majikan prihatin iii. Pemilik Premis yang memperjuangkan rekabentuk sejagat (<i>universal design</i>) iv. Anugerah Tokoh OKU: ▪ Akademik ▪ Sukan ▪ Keusahawanan v. Anugerah Ibu Bapa Prihatin OKU dan Ibu Bapa OKU Prihatin vi. Anugerah PDK Cemerlang vii. Anugerah Abilimpik viii. Anugerah Paralimpik ix. Anugerah Special Olympics	Masyarakat awam termasuk OKU dapat melihat dan menilai hasil usaha yang dilakukan oleh pihak-pihak tersebut bagi memastikan OKU tidak tertinggal daripada arus pembangunan negara.	JPOKU

TERAS STRATEGIK 3: MERAKYATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
LANGKAH STRATEGIK 17: PENGIKTIRAFAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
84	Penganugerahan dan pengiktirafan	Anugerah yang diberikan kepada kumpulan sasar Jabatan seperti warga emas, kanak-kanak, OKU dan komuniti yang memberikan sumbangan luar biasa kepada Negara serta klien yang berjaya keluar dari kebergantungan kepada Kerajaan.	2016-2020	Warga Emas i. Anugerah kepada Tokoh Warga Emas ii. Anugerah Warga Emas Tertua iii. Anugerah PAWE Terbaik iv. Anugerah NGO Warga Emas Kanak-Kanak i. Anugerah PAKK ii. Anugerah Tokoh Kanak-Kanak Komuniti i. Anugerah Sukarelawan Cemerlang ii. Anugerah Sukarelawan Home Help	Untuk memotivasi klien/kumpulan sasar/agensi berkaitan.	JPOKU WE KK KOM

TERAS STRATEGIK 3: MERAKYATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
LANGKAH STRATEGIK 17: PENGIKTIRAFAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
84	Penganugerahan dan pengiktirafan	Anugerah yang diberikan kepada kumpulan sasaran Jabatan seperti warga emas, kanak-kanak, OKU dan komuniti yang memberikan sumbangan luar biasa kepada Negara serta klien yang berjaya keluar dari kebergantungan kepada Kerajaan.	2016-2020	50 Pengiktirafan kepada klien yang berjaya berdikari	Meningkatkan motivasi klien/kumpulan sasaran/agensi berkaitan.	PW

TERAS STRATEGIK 3: MERAKYATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
LANGKAH STRATEGIK 18: PENGUKUHAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MELALUI MEDIA SOSIAL

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
85	<i>Media Buy</i> : Membeli saluran untuk mempromosi program dan penyampaian perkhidmatan	Promosi yang berterusan melalui media amat perlu bagi sesebuah jabatan yang berurusan dengan masyarakat. Justeru pembelian saluran media amat penting dalam memastikan setiap program dan maklumat Jabatan disalurkan dengan tepat dan cepat.	2016-2020	10 saluran	Meningkatkan tahap promosi perkhidmatan JKM.	PRO
86	Mewujudkan <i>Cyber Troopers</i> bagi menjawab dan menangani isu-isu yang dibangkitkan melalui media sosial	Media sosial merupakan salah satu daripada medan untuk kumpulan sasar mengetahui dan memberi komen terhadap penyampaian perkhidmatan JKM. Justeru, Jabatan perlu sentiasa proaktif dalam menangani isu ini dan memerlukan satu pasukan media yang kukuh dalam menyalurkan maklumat yang tepat dan berkualiti kepada khalayak.	Jangka Sederhana	Semua JKMN/PKMD dan Institusi	Isu berkaitan JKM dapat ditangani dengan segera.	PRO PEGAWAI KHAS KPKM

TERAS STRATEGIK 3: MERAKYATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
LANGKAH STRATEGIK 19: PENGUKUHAN KESAKSAMAAN HAK DAN PELUANG OKU

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
87	Pelaksanaan tujuh (7) buah <i>Independent Living Centre</i> (ILC)	ILC merupakan pusat latihan kepada OKU untuk hidup Berdikari. Melalui Rancangan Malaysia ke 11, Kerajaan telah mengumumkan penubuhan 7 buah ILC di seluruh negara sebagai salah satu usaha Kerajaan untuk memastikan kemapanan OKU di Malaysia.	2017-2020	7 buah ILC	Membolehkan OKU berdikari dan dapat diintergrasi ke dalam masyarakat.	JPOKU
88	Membangun "PDK Elite"	Pemulihan Dalam Komuniti merupakan salah satu penyampaian perkhidmatan alternatif (ASD) yang disediakan oleh Kerajaan dengan kerjasama komuniti Bagi meningkatkan lagi penglibatan dan kerjasama komuniti, Jabatan memperkenalkan PDK Elite yang akan menjalankan operasi sepenuhnya tanpa kebergantungan kepada Kerajaan	2017-2020	20 buah PDK	Meningkatkan penyampaian yang berkualiti kepada PDK dan kemandirian pengurusan PDK.	JPOKU

TERAS STRATEGIK 3: MERAKYATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
LANGKAH STRATEGIK 19: PENGUKUHAN KESAKSAMAAN HAK DAN PELUANG OKU

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
89	Program <i>Client Support Group</i> (Mentor-Mentee)	Program pengupayaan sendiri untuk pembangunan kapasiti klien 2YEP dalam pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman melalui pementoran.	2017-2020	50 klien terlibat dalam program <i>Client Support Group</i>	Sistem mentor-mentee membantu pendapatan klien 2YEP dalam hal-hal penajaan pendapatan, pemasaran produk/perkhidmatan.	PW

TERAS STRATEGIK 3: MERAKYATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
LANGKAH STRATEGIK 20 : PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
90	Pemantauan dan penilaian kualiti TASKA dan Pusat Jagaan	Pelaksanaan pemantauan dan pemeriksaan ke atas TASKA dan Pusat Jagaan bagi menentukan pematuhan standard minimum yang ditetapkan Akta dan Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak dan Pusat Jagaan.	2016-2020	1,800 pemantauan berkala dan pemeriksaan ke atas Pusat Jagaan setahun 1,000 pemeriksaan ke atas TASKA setahun 2,000 pemantauan berkala ke atas TASKA	Kualiti perkhidmatan dan pematuhan kepada minimum standard Akta Pusat Jagaan dan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak.	PU KK

TERAS STRATEGIK 3: MERAKYATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
LANGKAH STRATEGIK 21 : PENGURUSAN BENCANA

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
91	Mewujudkan <i>Community Empowerment & Resilience During Disaster</i> dalam persediaan komuniti sebelum berpindah ke pusat pemindahan & pengoperasian pusat pemindahan	Meningkatkan peranan dan kesedaran komuniti dan mewujudkan kerjasama padu dalam pengurusan bencana.	2017-2018	10 simulasi pengurusan pusat pemindahan bencana	Peningkatan kesiapsiagaan komuniti untuk berpindah ke pusat pemindahan. Peningkatan kesedaran dan tanggungjawab komuniti dalam menghadapi bencana serta mengurangkan pergantungan penuh kepada pihak kerajaan.	PW

TERAS STRATEGIK 3: MERAKYATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
LANGKAH STRATEGIK 22: KEBAJIKAN PRODUKTIF

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
92	Pengwujudan Jawatankuasa Penilaian 2 Years Exit Programme (2YEP)	2YEP merupakan sebuah program pembangunan bukan fizikal khusus di bawah RMK-11 bagi membangun dan memperkasa kefungsiian hidup klien jabatan yang produktif ke arah berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan kewangan JKM untuk saraan hidup. Pengurusan isu dan permasalahan sepanjang pengendalian klien kebajikan yang produktif di bawah 2YEP dapat ditangani dengan lebih cekap, holistik, telus dan sistematik melalui perbincangan serta keputusan sebuah Jawatankuasa.	2016-2018	104 Jawatankuasa ditubuhkan di peringkat daerah/ negeri Mesyuarat berkala sekurang-kurangnya 3 kali setahun bagi setiap Jawatankuasa	Isi penamatan bantuan klien yang telah berjaya berdikari dan klien yang gagal berdikari dapat ditangani melalui sebuah Jawatankuas.a Meminimumkan aduan ketidakpuasan hati klien dalam isu penamatan bantuan.	PW

TERAS STRATEGIK 3: MERAKYATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
LANGKAH STRATEGIK 22: KEBAJIKAN PRODUKTIF

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
93	Bilangan penerima bantuan yang meningkatkan pendapatan	Penerima bantuan yang terlibat dalam kebajikan produktif (<i>productive welfare</i>) menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM 300 dari pendapatan sedia ada. Ini adalah bertujuan membangun dan memperkasa kefungsiian hidup klien Jabatan yang produktif ke arah berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan kewangan JKM untuk saraan hidup.	2016	5,000 klien	Penerima bantuan mampu menjana pendapatan dari projek yang diusahakan.	PW
94	Pengeluaran dan pengkomersilan produk keluaran kumpulan sasar jabatan.	Produk keluaran kumpulan sasar Jabatan dikomersilkan melalui agensi-agensi di bawah Jabatan dengan lebih sistematik dan dapat menjana pendapatan tambahan kepada kumpulan sasar dengan pemasaran yang lebih luas.	2017 - 2020	200 produk	Produk keluaran kumpulan sasar berjaya dikomersialkan dan menjana pendapatan tambahan.	PW JPOKU WE PLPP BDK

TERAS STRATEGIK 4
MERANGKUM DAN SEPUNYA
Memperluas Jaringan
Kolaborasi Strategik
(*Multiple-Helix*) Dalam dan
Luar Negara

TERAS STRATEGIK 4: MERANGKUM DAN SEPUNYA
LANGKAH STRATEGIK 23 : PENINGKATAN PROGRAM PENGASUHAN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
95	Menjalinkan kerjasama dengan UPSI untuk Kursus Asuhan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata (KAP) dalam talian (MOOC)	KAP merupakan kursus wajib yang perlu diikuti oleh pengasuh dan pengusaha TASKA seperti keperluan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984. Bagi meningkatkan kebolehcapaian mengikuti kursus ini, Jabatan telah menjalinkan kerjasama dengan UPSI menganjurkan KAP dalam talian. KAP melibatkan kursus teori, manakala untuk latihan praktikal, calon masih perlu mengikuti praktikal di TASKA berdaftar melalui agensi latihan yang diiktiraf oleh JKM.	2017-2020	1,000 pengasuh	Peningkatan bilangan pengasuh kanak-kanak berdaftar dan berkualiti.	KK

TERAS STRATEGIK 4: MERANGKUM DAN SEPUNYA
LANGKAH STRATEGIK 24 : PEMERKASAAN EKONOMI KLIEN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
96	Mengadakan program padanan pekerjaan bagi OKU	Selaras dengan Dasar dan Pelan Tindakan OKU Negara, OKU perlu diberi ruang dan peluang untuk mendapat pekerjaan. Bagi menjayakan perkara tersebut, padanan pekerjaan perlu dilakukan melalui program <i>Job Fair</i> di seluruh Malaysia dengan kerjasama Job Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja dan Pertubuhan Bukan Kerajaan.	2016-2020	30 <i>Job Fair</i> (6 kali setahun)	Meningkatkan bilangan OKU yang memperolehi pendapatan . Memberi peluang kepada agensi yang berkaitan untuk membantu OKU dalam bidang pekerjaan.	JPOKU
97	Memperluas perkhidmatan <i>Job Coach</i>	<i>Job Coach</i> merupakan salah satu mekanisma yang digunapakai dalam memperkasa OKU. Jabatan menjalinkan kerjasama dengan JICA untuk melatih <i>Job Coach</i>.	2016-2020	600 <i>Job Coaches</i> yang dilatih (120 <i>Job Coach</i> setahun) 750 OKU (150 setahun) yang mendapat pekerjaan	Meningkatkan bilangan Jurulatih <i>Job Coach</i> dan OKU yang mendapat pekerjaan.	JPOKU

TERAS STRATEGIK 4: MERANGKUM DAN SEPUNYA
LANGKAH STRATEGIK 24 : PEMERKASAAN EKONOMI KLIEN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
98	Mewujudkan ruang dan peluang untuk klien memasarkan produk atau perkhidmatan yang diusahakan	Memberi peluang kepada peniaga di kalangan peserta 2YEP memasarkan produk dan perkhidmatan yang diusahakan di pasaran terbuka seperti <i>market place/ uptown/ downtown/ pusat perniagaan</i> di setiap negeri dengan kerjasama kerajaan Negeri/ PBT/ Agensi sedia ada seperti FAMA (cth: Pasar Tani)/ NGO/ Sektor Koprat.	2017-2020	15 buah negeri mendapatkan lot/lesen berniaga dengan kerjasama kerajaan Negeri/ PBT/ Agensi sedia ada seperti FAMA (cth: Pasar Tani)/ NGO/ Sektor Koprat untuk klien memasarkan produk atau perkhidmatan yang diusahakan	Medium pemasaran melalui <i>market place/ uptown/ downtown/pusat perniagaan</i> diwujudkan sebagai peluang peserta 2YEP memasarkan produk atau perkhidmatan/	PW

TERAS STRATEGIK 4: MERANGKUM DAN SEPUNYA
LANGKAH STRATEGIK 24 : PEMERKASAAN EKONOMI KLIEN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
99	Meningkatkan bilangan klien yang memperolehi Sijil Kemahiran yang diiktiraf oleh industri	Sebagai salah satu dari usaha mendayaupaya klien, Jabatan menjalankan kerjasama dengan MARA/Kolej Komuniti/ Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara untuk memberi peluang kepada klien memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia.	2017-2020	i. 300 orang OKU ii. 48 orang klien kebajikan produktif iii. 250 Kanak-kanak	Klien JKM mendapat pengiktirafan kemahiran oleh agensi yang bertauliah. Peningkatan kemahiran kepada klien.	PP PW JPOKU KK
100	Pemantapan sistem latihan <i>2 Years Exit Programme</i>	Merupakan program pendayaupayaan klien produktif bagi tujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan klien serta keluar daripada kebergantungan Kerajaan. Bagi menjayakan sistem latihan program ini, Jabatan menjalankan kerjasama bersama-sama agensi yang mempunyai kemahiran dan kepakaran. Agensi yang telah dikenalpasti untuk kerjasama GiatMara, JPK, Instek, TEKUN, AIM, Yayasan Peneraju dan MAGIC.	2017-2020	4 program kerjasama strategik 56 siri latihan kepada klien 3,500 klien terlibat dalam latihan	Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan klien.	PW

TERAS STRATEGIK 4: MERANGKUM DAN SEPUNYA
LANGKAH STRATEGIK 24 : PEMERKASAAN EKONOMI KLIEN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
101	Melaksanakan kerjasama bersama syarikat luar dalam aspek pemasaran produk	Produk yang dihasilkan oleh klien produktif berpotensi untuk dipasarkan dalam pasaran terbuka. Sehubungan dengan itu, bagi mendapatkan peluang pemasaran tersebut, Jabatan akan menjalinkan kerjasama dengan agensi yang telah dikenalpasti seperti TESCO, Majlis Produk Malaysia dan pelbagai syarikat bagi meningkatkan peluang pasaran produk.	2017-2020	Pemasaran produk melalui kerjasama sebanyak 3 siri 10 pembangunan produk	Meluaskan peluang pemasaran produk. Peningkatan 15% penghasilan produk sedia ada.	PW PP

TERAS STRATEGIK 4: MERANGKUM DAN SEPUNYA
LANGKAH STRATEGIK 24 : PEMERKASAAN EKONOMI KLIEN

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
102	Penyelarasan penyaluran bantuan kewangan melalui <i>table talk exercise</i> dengan kerjasama pelbagai agensi pemberi bantuan	NBOS bersama agensi pemberi bantuan (EPU/ ICU/ Jawhar/ MOH/ MOHR/ PERKESO/ JHV ATM/ Baitulmal/ Pejabat Zakat/ Kumpulan Wang Amanah Pekerja.	2017-2020	4 kali siri <i>table talk exercise</i> Pewujudan direktori berkaitan perkhidmatan bantuan yang ditawarkan oleh agensi-agensi pemberi bantuan sebagai rujukan	Penyelarasan pemberian bantuan bersama agensi lain.	PW

TERAS STRATEGIK 4: MERANGKUM DAN SEPUNYA
LANGKAH STRATEGIK 25 : PENGUKUHAN KERJASAMA DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
103	Program Tautan Kasih Intergenerasi @Komuniti.	Program Tautan Kasih merupakan usaha Jabatan ke arah meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan mengurangkan masalah sosial dalam komuniti. Sehubungan dengan itu, Jabatan mewujudkan kerjasama strategik dengan kerjasama PBT, syarikat korporat dan pertubuhan bukan kerajaan.	2017-2020	5,000 orang menyertai program 500 orang sukarelawan terlibat dalam program 20 PBT/syarikat korporat/pertubuhan bukan kerajaan terlibat	Meningkatkan semangat hormat menghormati dan sayang menyayangi. Memperbanyakkan program melibatkan penyertaan masyarakat dalam bersosialisasi	KOM
104	<i>Program Show Your Talent</i>	Program ini merupakan program mencungkil bakat terpendam di kalangan pesalah muda. Jabatan akan menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan, 1M4U, Jabatan Belia dan Jabatan Penerangan.	2017-2020	20 program	Meningkatkan tahap sosialisasi pesalah muda dalam konteks persekitaran sihat. Mengintegrasikan pesalah muda ke dalam masyarakat. Mensuaipadankan bakat dengan peluang pekerjaan.	PKM

TERAS STRATEGIK 4: MERANGKUM DAN SEPUNYA
LANGKAH STRATEGIK 25 : PENGUKUHAN KERJASAMA DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
105	Melaksanakan program Suai Kasih	Program ini merupakan program prihatin kepada kanak-kanak yang dibebaskan dari Institusi JKM bagi meningkatkan kualiti dan kesejahteraan sosial mereka. Konsep ini memberikan penumpuan kepada kanak-kanak lepasan institusi JKM untuk diintegrasikan di dalam masyarakat selaras dengan salah satu daripada lima (5) teras perkhidmatan JKM iaitu Pengintergrasian. Jabatan akan menjalankan bekerjasama dengan agensi yang menawarkan perkhidmatan latihan.	2017-2018	200 orang kanak-kanak terlibat dalam program Satu (1) Direktori dibangunkan Satu (1) Modul dibangunkan	Meningkatkan tahap kesejahteraan kanak-kanak yang keluar daripada institusi. 200 kanak-kanak berjaya mendapat peluang pekerjaan dan dapat integrasi dalam masyarakat. Meningkatkan tahap kesedaran kepada masyarakat tentang perlunya mengambil berat serta mengendahkan komuniti ini di dalam masyarakat.	KOM KK

TERAS STRATEGIK 4: MERANGKUM DAN SEPUNYA
LANGKAH STRATEGIK 25 : PENGUKUHAN KERJASAMA DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
106	Program Sahabat PR1SMA@Community (Psikologi Rakyat 1 Malaysia) dalam komuniti	PR1SMA@Community telah diperkenalkan sempena sambutan Bulan Kaunseling Tahun 2016. Sahabat PR1SMA diwujudkan untuk menggalakkan penglibatan ahli dalam komuniti bagi membantu mengurangkan impak, mengatasi dan membendung isu-isu psikososial melalui program dan aktiviti di PR1SMA@Community Bahagian Kaunseling dan Psikologi JKM. Sahabat PR1SMA akan melibatkan ahli dalam komuniti yang aktif dan prihatin serta berpotensi membantu kepada perkembangan psikologi sihat jiran tetangga di sekitarnya.	2017-2020	Sebanyak 15 PPR/ lokasi dalam komuniti berjaya dilibatkan Seramai 200 orang penduduk PPR/ ahli komuniti dilibatkan sebagai sahabat PR1SMA	Meningkatkan impak dan keberkesanan program dan intervensi Bahagian Kaunseling dan Psikologi. Memperkasa peranan komuniti untuk berkhidmat kepada komuniti. Membantu meluaskan skop keperihatinan dan tanggungjawab sesama jiran tetangga dalam aspek kesejahteraan psikologi.	K PK

TERAS STRATEGIK 4: MERANGKUM DAN SEPUNYA
LANGKAH STRATEGIK 25 : PENGUKUHAN KERJASAMA DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
107	Mewujudkan <i>Psychological Care Centre (PCC)</i> dalam komuniti	PCC merujuk kepada ruang atau pusatperkhidmatan kaunseling dan psikologi yang kondusif di PPR atau pusat aktiviti dalam komuniti atau lain-lain kawasan dalam komuniti yang terdedah kepada isu-isu psikososial. PCC yang diwujudkan bertujuan memudahkan penyampaian perkhidmatan kaunseling dan psikologi secara langsung kepada komuniti mahupun kakitangan pusat aktiviti (jika ada).	2016-2020	Sebanyak 15 PCC diwujudkan di 15 lokasi terpilih	Perkhidmatan kaunseling dan psikologi dapat didekatkan kepada rakyat. Kerjasama erat Jabatan dengan Jawatankuasa Penduduk, PBT dan pihak berkaitan berjaya diwujudkan dan ditingkatkan.	K PK

TERAS STRATEGIK 4: MERANGKUM DAN SEPUNYA
LANGKAH STRATEGIK 25 : PENGUKUHAN KERJASAMA DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
108	Kerjasama strategik Pengurusan Pendaftaran Mangsa di pusat pemindahan dengan Agensi Pertahanan Awam (APM)	Perkongsian antara Jabaran/ Agensi bagi meningkatkan peranan dan tanggungjawab JKM dalam pengurusan mangsa bencana di Pusat pemindahan.	2017-2018	2 siri perbincangan i. 1 siri latihan/bengkel ii. 1 Manual lengkap pengurusan pendaftaran dan bantuan pemulihan mangsa bencana	Urusan pendaftaran dan bantuan pemulihan mangsa bencana dapat dilaksanakan dengan cepat dan sistematik.	PW

TERAS STRATEGIK 4: MERANGKUM DAN SEPUNYA
LANGKAH STRATEGIK 26 : PENYUMBERAN LUAR WARGA EMAS

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
109	Penyumberan luar Rumah Seri Kenangan	Selari dengan Bab 9, Rancangan Malaysia ke 11 Jabatan telah memilih Rumah Seri Kenangan Bedong Kedah sebagai projek rintis penyumberan luar.	2016-2020	1 Rumah Seri Kenangan disumber luarkan	Mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan. Memperkasa penglibatan agensi/NGO/komuniti. Meningkatkan penglibatan agensi/NGO/Komuniti dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga emas.	WE PP DSA

TERAS STRATEGIK 5

MEMBUDAYA NILAI

**Membudayakan Patriotisme,
Nilai-Nilai Murni, Etos dan
Integriti**

TERAS STRATEGIK 5:
LANGKAH STRATEGIK 27 : PENGUKUHAN INTEGRITI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
110	Memantapkan pelaksanaan nilai murni dalam perkhidmatan melalui seminar, ceramah, konvensyen/persidangan /simposium dan penulisan	Integriti merupakan tunjang dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Penerapan nilai murni ini dilaksanakan melalui siri seminar, ceramah, konvensyen, persidangan, simposium, penulisan. Ini bagi membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur. Perkara ini selari dengan cabaran keempat Wawasan 2020.	2016-2020	i. 10 Kursus/Seminar/ Persidangan/Forum (2 kali setahun) ii. 10 Ceramah (2 kali setahun) iii. 5 Penulisan	Meningkatkan tahap integriti warga kerja JKM. Menanamkan rasa cinta kepada Negara, Kerajaan dan Organisasi. Mengukuhkan penyampaian perkhidmatan dengan penuh kebertanggunjawaban. Pengukuhan asas moral masyarakat dan negara, dan peningkatan kesejahteraan hidup anggota masyarakat.	P QS

TERAS STRATEGIK 5:
LANGKAH STRATEGIK 27 : PENGUKUHAN INTEGRITI

BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
111	Penerapan nilai murni melalui prinsip dan etika kerja sosial	Kerja sosial merupakan salah satu alat yang dipraktikkan oleh warga JKM dalam penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada kumpulan sasar. Prinsip dan etika kerja sosial menjadi pegangan kepada warga JKM dalam memastikan penyampaian perkhidmatan menepati prosedur dan perundangan yang telah ditetapkan.	2016-2020	10 Perbincangan ilmiah dan simulasi praktis prinsip dan etika kerja sosial (2 kali setahun)	Meningkatkan tahap integriti warga kerja JKM. Menanamkan rasa cinta kepada Negara, Kerajaan dan Organisasi. Menguatkan penyampaian perkhidmatan dengan penuh kebertanggungjawaban.	P PP
112	Pembangunan kerja berpasukan dalam memperkukuh semangat bekerjasama dalam memastikan kecemerlangan organisasi	Kerja berpasukan telah dibuktikan sebagai salah satu kaedah dalam meningkatkan kualiti kerja. Kelebihan kerja berpasukan adalah dalam konteks meningkatkan kemahiran, kekuatan, komitmen, pengetahuan dan penyesuaian. Melalui kerja berpasukan ini, rasa kasih dan sayang kepada organisasi akan meningkat dan membantu kepada peningkatan mutu kerja yang berkualiti.	2016-2020	10 siri pembangunan kerja berpasukan (2 kali setahun)	Penguatan asas moral masyarakat dan negara, dan peningkatan kesejahteraan hidup anggota masyarakat.	

TERAS STRATEGIK 5:
LANGKAH STRATEGIK 27 : PENGUKUHAN INTEGRITI


BIL.	PROGRAM	PENYATAAN PROGRAM	TEMPOH MASA	KPI/OUTPUT	OUTCOME	BAHAGIAN
113	Pelaksanaan auditan dan inspektorat: i. Auditan Kewangan ii. Naziran Pengurusan Sumber Manusia iii. Auditan Aset iv. <i>Mystery Shopping @MIRACLE</i> v. Auditan MS ISO vi. Auditan Penarafan Bintang (<i>System Star Rating</i>) vii. <i>Task force dan flying squad</i>	Mempertingkatkan aktiviti pemantauan secara berterusan dan berkala bagi tujuan memastikan warga Jabatan mematuhi peraturan dan prosedur kerja. Memantau siasatan ke atas kes-kes berkaitan integriti untuk tindakan pembedahan, pemulihan dan penambahbaikan secara telus dan adil. Mengambil tindakan segera terhadap sebarang kelemahan yang dikenalpasti bagi tujuan pembedahan, pemulihan dan penambahbaikan.	2016-2020	i. 80 Auditan Kewangan (15 JKMN setahun) ii. 80 Naziran Pengurusan Sumber Manusia (15 JKMN setahun) iii. 6 kali Auditan Aset iv. 50 sesi <i>Mystery Shopping @MIRACLE</i> (10 sesi setahun) v. 5 sesi Audit Dalaman MS ISO vi. 2 kali Auditan Penarafan Bintang (<i>System Star Rating</i>)-penilaian sekali dalam tempoh 2 tahun. vii. 15 siri siasatan melibatkan <i>task force/flying squad</i>	Meningkatkan tahap integriti warga kerja JKM. Menanamkan rasa cinta kepada Negara, Kerajaan dan Organisasi. Mengukuhkan penyampaian perkhidmatan dengan penuh kebertanggungjawaban. Pengukuhan asas moral masyarakat dan negara, dan peningkatan kesejahteraan hidup anggota masyarakat.	QS P

BAHAGIAN 6



156 Bahagian 6 - Penutup





PENUTUP

Persekitaran yang semakin berubah serta harapan tinggi pelanggan dan pihak berkepentingan memerlukan JKM sentiasa bersedia melaksanakan perubahan dan penambahbaikan agar terus relevan. Sehubungan dengan itu, Pelan Strategik JKM 2016-2020 disediakan bagi mencerminkan aspirasi dan komitmen padu seluruh warga kerja JKM dalam mendepani isu-isu strategik rakyat yang berkaitan dengan peranan, fungsi dan bidang kuasa JKM.

Berdasarkan analisis pencapaian Pelan Transformasi JKM 2011-2015, peranan dan fungsi JKM akan dimantapkan melalui cara bekerja yang lebih kreatif dan berinovatif melalui Pelan Strategik JKM 2016-2020. Sumber-sumber yang ada digunakan secara lebih cekap dan optimum agar dapat mencapai *outcome* dan impak yang dihasratkan ke atas golongan sasar. Visi, misi, objektif dan moto akan menjadi halatuju utama dan rujukan seluruh warga kerja JKM dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Diharapkan seluruh warga kerja JKM dapat menghayati dan mempraktikkan sepenuhnya hasrat murni Pelan Strategik JKM 2016-2020 dan menterjemahkannya di peringkat pelaksanaan projek dan program bagi memastikan fasa terakhir RMK11 dan Wawasan 2020 tercapai.

